

M mahu budaya kerja berkuditi disemai dan diamal berterusan

KUALA LUMPUR 26 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, budaya kerja yang berkualiti perlu disemai dan diamal secara berterusan di kalangan anggota pengurusan dan pekerja sama ada di sektor awam atau swasta. Katanya, penekanan terhadap budaya kerja kualiti ini dalam bidang perkhidmatan atau barangan akan *membantu negara* menghadapi persaingan industri di peringkat antarabangsa dan menentukan negara dihormati dan disanjung tinggi. “Kejayaan atau kegagalan *kita* dalam persaingan *ini* bergantung kepada komitmen secara peribadi terhadap kualiti di kalangan *pengurus-pengurus* di semua peringkat terutamanya di peringkat *nasional*,” katanya. Menurut Perdana Menteri, negara-negara yang mampu mengeluarkan barang-barang berkualiti tinggi akan dapat menembusi pasaran antarabangsa dan negara yang gagal berbuat demikian tidak dapat *mengekalkan kedudukannya* dalam pasaran antarabangsa. “Memandangkan Malaysia sedang berusaha menggalakkan *eksport* barangbuatannya, *kita* harus memberi perhatian yang serius untuk mewujudkan satu keupayaan

perindustrian yang berasaskan kualiti,” katanya. Dalam hubungan ini, beliau berharap, budaya kerja yang berasaskan kepada keyakinan dan kepercayaan kepada kualiti akan menjadi asas yang akan mempertingkatkan lagi pertumbuhan perindustrian negara ini. Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan ceramah mengenai pengurusan kualiti di Hotel Hilton di sini pagi ini. Perdana Menteri juga menegaskan, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang, negara menghadapi pelbagai cabaran dan dalam hubungan ini, sikap terbuka terhadap segala perubahan dan pendekatan yang baru adalah perlu. “Kita mesti bersedia menilai semula prinsip, kaedah dan corak pengurusan yang telah diamalkan. Pihak *pengurus* atasan bertanggungjawab memberi arah pimpinan untuk meneroka corak pengurusan yang lebih sesuai dengan keadaan semasa,” katanya. Beliau menarik perhatian bahawa *perusahaan* syarikat kerajaan memerlukan corak pimpinan pengurusan yang lebih dinamis, sedia mementingkan kemahuan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan atau barangan.

“Pengurusan yang berkualiti akan memanfaatkan pegawai-pegawai dan kakitangan agensi yang diswastakan,” katanya. Perdana Menteri juga berkata, perubahan sikap dalam konteks kawalan kualiti ialah sikap yang mengambil berat dan berbangga dengan mutu hasil kerja yang dibuat sendiri atau oleh organisasi kita. Melalui perasaan bangga ini, Perdana Menteri berkata, produktiviti akan dapat dipertingkatkan lagi dan sekaligus menentukan negara dihormati dan disanjung tinggi di mana negara luar tidak lagi was-was atau kuaratir dengan layanan dan khidmat yang diberikan. Menurut Perdana Menteri, dengan adanya kebudayaan kualiti di semua peringkat kakitangan kerajaan, mereka akan mempunyai sikap untuk mencapai “keunggulan” dan kualiti dalam setiap kerja yang dihasilkan. Bagi sektor swasta pula, industri-industri yang akan berkembang pesat akan memerlukan pekerja *kolarputih* yang berbudaya kualiti untuk menentukan kejayaan yang diharapkan seperti dalam sektor industri perkhidmatan yang meliputi bidang komputer, *prosesan* data dan perisian, industri insurans, pelancongan, bank serta kewangan.